

Pembentuk Generasi Berkoperasi
Tunas
GAGASAN



ASPIRASI

KOPSAS Impi Urus
Rombongan Umrah
Pada Masa Depan



Koperasi Sekolah
Menengah Imtiaz Besut
Berhad Buat Jualan RM1
Juta Hanya Jual Kertas A4

**MOHD FIRDAUS HUSSIN**

Pengarah
Bahagian Pembangunan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Majalah Tunas Gagasan
Koperasi
Bil. 01

PENERUSI EKSEKUTIF
Rusli Jaafar

KETUA EDITOR
Mohd Firdaus Hussin
Pengarah Bahagian
Pembangunan Koperasi

EDITOR
Nor Azam Md Salleh
Syamsul Saferin Mohd Ali
Sharifah Nurrasyidah Syed Abd Razak
Mohd Affandy Amir
Norhaslinda Isa

EDARAN DAN PENERBITAN
Bahagian Pembangunan Koperasi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Promo

Lain-lain penerbitan kami



Dapatkan naskah **majalah Gagasan Koperasi** secara online di www.skm.gov.my

Imbas kod QR untuk ke pautan tersebut



DARI MEJA PENGARANG

Assalamualaikum dan Salam Berkoperasi.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana majalah Tunas Gagasan dapat diterbitkan sekali lagi demi memberikan paparan berinspirasi kepada seluruh warga koperasi di sekolah seluruh tanah air. Syabas kepada pasukan editorial!

Seperti yang kita sedia maklum, SKM memberikan platform kepada semua sekolah untuk beroperasi melalui platform koperasi. Sebagai sebuah koperasi, peluang untuk

menjana perolehan terbuka luas dan setiap sekolah mempunyai peluang sama.

Rebutlah peluang itu dan jadikan koperasi sebagai platform membentuk usahawan dari usia muda. Jadikan majalah ini sebagai sumber inspirasi kerana kami menyediakan kisah kejayaan koperator berwawasan.

Selamat Membaca!



Kandungan

RENCANA UTAMA

4 -5 | Kemudahan Lengkap Majlis Perkahwinan Tarik Minat Penduduk Setempat

ASPIRASI

6 -7 | KOPSAS Impi Urus Rombongan Umrah Pada Masa Depan

ASPIRASI

8 -9 | Optimis Sasar RM2 Juta Keuntungan Bagi Tahun 2023

INSPIRASI

10 -11 | Pembukaan Kedai Runcit Cawangan Ke-2 Bukti Kejayaan

PROAKTIF

12 -13 | Strategi Cabutan Bertuah Tarik Perhatian Pelanggan

PROAKTIF

14 -15 | Tingkatkan Jualan, Banyakkan Sumbangan

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi.

Tahniah kepada pasukan editorial kerana berjaya menyempurnakan naskhah Tunas Gagasan pada kali ini. Semestinya majalah ini memberi peluang kepada para pembaca mendapatkan inspirasi terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah yang cenderung ke arah menjadi usahawan suatu masa kelak.

Pada pendapat saya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah berjaya mengubah persepsi masyarakat bahawa koperasi sekolah bukan sekadar sebuah ruang untuk menjual keperluan sekolah sahaja. Hari ini, koperasi sekolah telah menjadi lebih daripada itu. Koperasi sekolah adalah sebuah ruang perniagaan yang berpeluang menjana perolehan jutaan ringgit setiap tahun.

Pun begitu, di sebalik perolehan tersebut, koperasi sekolah adalah platform untuk pelajar di bangku sekolah belajar dan menimba pengalaman untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Lihat sahaja kepada kejayaan Taufiq Lu yang dimuatkan dalam majalah Tunas Gagasan terdahulu. Anak muda dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh ini diangkat sebagai Ikon Koperator Muda Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2021.

Kejayaannya mengetui koperasi sekolah sebagai Presiden ALK Pelajar selama tiga tahun sejak 2019 hingga 2021 telah menjadi inspirasi kepada ramai pelajar sekolah untuk mendalami ilmu keusahawanan. Kini Taufiq Lu telah menyambung pengajian di United Kingdom dalam bidang perakaunan di bawah tajaan Bank Negara Malaysia.

Remaja ini juga berimpian untuk menerajui pengurusan koperasi dewasa pada suatu hari nanti kerana mahu membawa industri keusahawanan koperasi ke peringkat lebih tinggi.

Justeru, saya berharap supaya koperasi sekolah dapat melahirkan lebih ramai pelajar seperti Taufiq Lu yang mempunyai cita-cita dan berkebolehan dalam barisan kepimpinan. Idea anak muda dan semangat mereka yang berkobar-kobar perlu kita manfaatkan supaya dapat menjadikan koperasi sekolah sebagai sebuah organisasi yang menyediakan platform kepada pelajar menimba pengalaman sebagai seorang usahawan.

Selamat Maju Jaya!

“ Pun begitu, di sebalik perolehan tersebut, koperasi sekolah adalah platform untuk pelajar di bangku sekolah belajar dan menimba pengalaman untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

RUSLI JAAFAR
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia





Kemudahan Lengkap Majlis Perkahwinan Tarik Minat Penduduk Setempat

Koperasi Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad Tawarkan Pakej Perkahwinan Bajet Serendah RM2,000

Peluang dalam perniagaan sentiasa ada dengan wujudnya masalah yang perlu diselesaikan. Itulah yang dilakukan oleh pihak pengurusan Koperasi Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad apabila mewujudkan pakej perkahwinan pada harga bajet kepada masyarakat setempat.

Pada hari ini, majlis perkahwinan diadakan bukan sahaja pada musim cuti sekolah. Boleh dikatakan setiap minggu ada sahaja pasangan mempelai yang diraikan. Justeru, perniagaan pakej perkahwinan boleh dijadikan sebagai perniagaan yang memberangsangkan dan menjanjikan pulangan hebat.

“Mulai 2023, kami mula buat pakej perkahwinan. Dengan bajet RM2,000 pelanggan boleh dapat meja kerusi, meja pengantin, photo booth, meja makan beradab dan sewa dewan,” ujar Setiausaha Koperasi Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad, Cikgu Nik Mohd Zaini Nik Ab Majid.

Menurut Cikgu Nik Mohd Zaini, pelanggan turut boleh menempah hidangan makanan tetamu dengan menghubungi pihak kantin.

“Kami bantu pelanggan untuk mendapatkan pakej penuh termasuk tempahan jurugambar, solekan pengantin dan majlis berinai termasuk jadi pemudah cara kepada bakal raja sehari. Anggaplah ini one stop centre untuk bakal pengantin dapat majlis perkahwinan idaman mereka,” ujar Cikgu Nik Mohd Zaini.

Menurut Cikgu Nik Mohd Zaini, pada tahun 2010, mereka mendapat geran bantuan bernilai RM50,000 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Peruntukan tersebut digunakan untuk membuka perniagaan dobi. Perkhidmatan dobi memudahkan urusan pelanggan utama mereka iaitu pelajar sekolah yang tinggal di asrama.

“Umum mengetahui, membahru pakaian menggunakan mesin lebih mudah dan jimat masa. Pelajar ada masa lebih banyak untuk ulang kaji pelajaran berbanding sebelum ada dobi,” ujar Cikgu Nik Mohd Zaini.

Pihak koperasi juga menambah baik kedai runcit sedia ada dengan menambah seleksi barang jualan. Antaranya produk penjagaan diri dan mandian. Turut dijual

adalah barang keperluan dapur kering misalnya beras, sardin, marjerin dan susu.

“Selain memudahkan para pelajar sekolah, pertambahan produk yang dijual juga membantu memudahkan urusan kakitangan. Mereka bekerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Kedai runcit ini memudahkan kakitangan membeli barang keperluan sejurus tamat waktu kerja,” cerita Cikgu Nik Mohd Zaini.

Cikgu Nik Mohd Zaini mulai menggalas tanggungjawab sebagai guru koperasi sejak 2008. Perubahan demi perubahan dalam pengurusan koperasi memberi inspirasi kepadanya untuk memperkasakan koperasi di Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad itu sendiri.

“Pelanggan utama koperasi ialah pelajar dan kakitangan sekolah. Jadi kami buka perniagaan lain yang menumpukan kepada masyarakat sekeliling misalnya pakej perkahwinan. Kami perlu meluaskan lingkungan perniagaan supaya lebih banyak keuntungan boleh diraih. Ini semua demi memperkasakan koperasi sekali gus mencapai misi dan visi koper-

INFO pantas

Nama Sekolah: Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah, Kelantan • **Nama Koperasi:** Koperasi Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad

• **Status Sekolah:** Vokasional • **Tarikh Penubuhan Koperasi Sekolah:** 21 Jun 1992 • **Bilangan Anggota Koperasi Sekolah:** 773 anggota • **Bilangan Pelajar Sekolah:** 1,305 orang pelajar •

Pengerusi Koperasi: Che Asran Md Amin • **Aktiviti Koperasi Sekolah:** Kedai Runcit, Kafeteria, Kedai Dobi, Bank Koperasi, Pelancongan, Rumah Inap dan Penghasilan Produk

membuat pengeluaran wang tunai.

“Pihak koperasi juga menyediakan kemudahan untuk para anggota pencarum membuat pinjaman peribadi. Ini antara pembaharuan yang telah kami lakukan demi memberi kemudahan kepada anggota untuk membuat pinjaman,” kata Cikgu Nik Mohd Zaini yang mengakui pihak koperasi telah memberikan dividen sebanyak 15 peratus kepada pencarum pada tahun 2022.

Selain bantuan kewangan, pihak koperasi juga pernah memberikan sumbangan kepada pihak barisan hadapan di hospital terpilih demi menghargai pengorbanan mereka menguruskan pelbagai hal-ehwal berkenaan dengan pesakit yang positif COVID-19.

“Kami berkolaborasi dengan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan juga dengan persatuan permotoran. Hal ini sebenarnya seperti serampang dua mata iaitu untuk menjana pendapatan bagi koperasi dan juga sebagai platform untuk memperkenalkan koperasi kami kepada khalayak ramai,” ujar Cikgu Nik Mohd Zaini lagi.

Bericara mengenai impian, sudah semestinya seseorang itu mengimpikan sesuatu yang diusahakan itu meraih kejayaan. Koperasi Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah Berhad mengimpikan untuk diiktiraf sebagai salah satu daripada lima koperasi unggul dalam Malaysia.

“Hingga Ogos 2022, kami meraih perolehan RM1,635,256.70. Saya yakin dengan kekuatan pihak pengurusan dan kesungguhan setiap anggota yang terlibat, koperasi ini boleh menjana lebih RM2 juta perolehan sepanjang tahun 2023,” ujar Cikgu Nik Mohd Zaini menutup bicara.



Sebahagian peserta kursus solekan menerima bimbingan daripada jurulatih berpengalaman.

biasa. Hanya waktu-waktu tertentu saja dibuka mengikut kepada waktu janji temu.

Barangan di kedai runcit ada tarikh luput. Justeru kami perlu kreatif untuk tetap membuat jualan supaya barang tidak rosak disebabkan tamat tarikh luput.

Selain itu, kami juga menjalin hubungan baik dengan pengedar supaya memberikan kami tempoh masa lebih panjang untuk membuat bayaran. Ini disebabkan apabila pandemik, jumlah hari persekolahan sangat terhad dan secara tidak langsung hal ini mengganggu urus niaga koperasi.

Bagi saya, hubungan baik dengan pengedar juga amat membantu untuk pihak koperasi mengendalikan urus niaga dengan lebih terancang,” cerita Cikgu Nik Mohd Zaini lagi.

“Kami memudahkan urus niaga menggunakan kod QR. Justeru pelanggan hanya perlu imbas kod tersebut untuk membuat bayaran. Pun begitu, kami tetap masih menerima wang tunai bagi mereka yang tida kemudahan mengimbas kod QR,” tambah Cikgu Nik Mohd Zaini.

Selain itu, di koperasi ini juga ada menyediakan perkhidmatan perbankan Bank Simpanan Nasional Berhad (BSN) dan juga Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat). Hal ini sangat membantu pengguna terutama pelajar sekolah untuk menguruskan kewangan dengan lebih baik terutamanya untuk



Teknik mengenakan gincu yang betul turut ditunjuk ajarkan.

asi ini,” tambah Cikgu Nik Mohd Zaini lagi.

Umum mengetahui seluruh dunia dilanda wabak COVID-19 sejak 2019. Pada tahun berikutnya, keadaan ekonomi negara menjadi tidak menentu dan banyak perniagaan terjejas. Justeru, bagaimanakah koperasi ini meneruskan urus niaga demi kekal menjana pendapatan walaupun keadaan di luar sana amat sukar?

Menurut Cikgu Nik Mohd Zaini, mereka mengaktifkan hebatan penemasan secara dalam talian. Antaranya mereka memperkasakan penggunaan aplikasi terutamanya WhatsApp untuk mengiklankan produk jualan dan membuat janji temu pengambilan barang yang dibeli.

“Kami menghebahkan iklan mengenai jualan barang melalui WhatsApp pelajar dan pekerja. Seandainya mereka ingin membeli, kami akan bungkuskan siap-siap dan pembeli hanya perlu datang ke kedai runcit pada waktu yang telah dijanjikan. Kedai tidak buka sepanjang masa seperti



Norsyidah (tengah) bersama ALK membincangkan perancangan untuk meningkatkan perniagaan koperasi.

KOPSAS Impi Urus Rombongan Umrah Pada Masa Depan

Permintaan Meningkat, Pelancongan Ke Jepun dan Negara Lain

Tidak dinafikan, kehadiran wabak COVID-19 memberikan kesan besar kepada sektor perniagaan seluruh dunia termasuk urus niaga di koperasi. Koperasi Sekolah Alam Shah Berhad (KOPSAS), Putrajaya turut mengalami penurunan dalam perolehan mereka pada tahun 2020 hingga 2022 dan kini dalam proses untuk kembali berdaya saing selepas wabak tersebut kembali pulih.

KOPSAS mempunyai dua jenis perniagaan utama yang menjadi tonggak perolehan koperasi ini iaitu jualan kedai runcit dan jualan di kedai buku. Maksudnya, koperasi ini fokus dengan menjual keperluan harian secara runcit dan juga keperluan pembelajaran pelajar sekolah itu di kedai buku.

Dengan perolehan sebanyak RM700,000 pada tahun 2022 yang lepas, KOPSAS menyasarkan perolehan sebanyak RM1 juta pada tahun ini. Positif dengan perkembangan perniagaan dalam era pasca pandemik, pihak pengurusan koperasi ini menjelaskan bahawa mereka ingin kembali fokus den-

gan perniagaan pelancongan.

Dengan anggota seramai 971 orang iaitu terdiri daripada pelajar seramai 894 orang, guru 72 orang dan kakitangan sekolah 5 orang, pihak koperasi yakin bahawa mereka mampu mencapai perolehan yang telah disasarkan.

“Pelajar sekolah wajib serta koperasi sebagai anggota. Memang dalam yuran telah kami masukkan sekali keanggotaan dengan bayaran RM10. Kami bayar sumbangan berserta dividen sebanyak 20 peratus kepada pelajar tingkatan 5 ketika mereka ambil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” kata Setiausaha KOPSAS, Norsyidah Abdullah yang memaklumkan bahawa sumbangan maksimum pelajar adalah RM500 manakala guru pula adalah RM1,000.

Aktiviti Pelancongan

Perancangan untuk aktif perniagaan pelancongan sebenarnya bermula sejak sebelum kedatangan wabak COVID-19 lagi. Malah, menurut Norsyidah, sebenarnya

sehari sebelum negara diarahkan untuk menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mereka sepatutnya membawa satu rombongan ke Melbourne, Australia.

“Mula-mula dilanda wabak, kita masih tidak jelas bagaimana wabak itu boleh memberi kesan kepada kita. Namun selepas semakin banyak informasi, kita akur dengan PKP dan membatalkan pernerbangan ke luar negara. Kami susun strategi terbaik untuk kembali aktif dengan perniagaan pelancongan,” kata Norsyidah lagi.

Tambah beliau, ini juga adalah salah satu inisiatif KOPSAS untuk mencapai sasaran perolehan RM1 juta bagi tahun ini.

“Kami telah bawa rombongan ke Osaka, Jepun atas undangan sebagai anak angkat sekolah di sana. Aktiviti ini sangat bagus bagi membuka minda para pelajar mendapat idea aktiviti pembelajaran yang dilakukan di negara luar. Pendedahan begini memberikan manfaat yang bukan sedikit kepada pelajar,” terang Norsyidah yang mengatakan bahawa seorang

pelajar perlu membayar RM6,400 untuk mengikuti program ke Jepun selama seminggu pada waktu cuti sekolah yang lepas.

Bagi program seterusnya, KOPSAS mempunyai impian untuk menguruskan jemaah menuaikan umrah pula. Walaupun hal ini dilihat sukar, namun pihak KOPSAS positif dengan permintaan yang memberangsangkan. Hal ini memerlukan mereka berkolaborasi dengan agensi yang menyediakan mutawif bagi jemaah umrah.

“Kami juga bakal membawa rombongan ke Korea Selatan, Vietnam dan Indonesia. Kami juga akan merusak rombongan ke Melbourne, Australia yang pernah tergendala pada tahun 2020 yang lepas,” ujarnya lagi.

Urus Niaga Tanpa Tunai

Sekjak sesi persekolahan kembali secara bersemuka selepas COVID-19, pihak KOPSAS telah mengamalkan urus niaga tanpa tunai. Hal ini memudahkan urusan dan mengurangkan *contact* dalam kalangan mereka.

“Kami buat jualan online untuk ibu bapa membeli barang keperluan pelajar ketika pelajar hendak kembali ke asrama. Kakitangan koperasi akan bekerja awal untuk menyiapkan tempahan barang keperluan pelajar. Ketika pelajar mendaftar, mereka hanya perlu tunjukkan nombor reseit dan berikan nama. Mereka terus boleh dapat barang yang telah ditempah dengan mengurangkan *contact*,” kata Norsyidah.

Pihak KOPSAS juga merancang untuk bekerjasama dengan pihak pengurusan kewangan untuk meng-



Perniagaan runcit adalah salah satu cabang perniagaan di KOPSAS.

hasilkan kad yang boleh berfungsi sebagai *e-wallet*. Fungsinya adalah untuk memudahkan urusan pelajar membeli-belah di koperasi dan kedai buku.

“Dengan kad ini, sebenarnya sangat memudahkan urus niaga pelajar dengan pihak koperasi. Ibu bapa boleh menambah nilai tunai dalam kad tersebut. Selain itu, ibu bapa juga boleh memantau setiap barang yang dibeli oleh anak mereka,” ujar Norsyidah lagi.

Bantuan Koperasi

Dengan bantuan ilmu mengenai pengurusan dan perniagaan koperasi, Norsyidah mengakui hal itu sangat membantu pihak KOPSAS untuk menguruskan koperasi ini dengan berkesan. Bantuan geran bernilai RM30,000 juga sangat bermanfaat untuk menyusun strategi urus niaga lebih efektif di sekolah ini.

“Kami ingin mendapatkan bekalan produk daripada kilang atau terus daripada pembekal. Ini supaya kami dapat bekalan dengan harga lebih rendah dan meningkatkan perolehan. Kami turut menyumbang kepada sekolah dalam bentuk zakat dan juga duit raya kepada golongan yang memerlukan,” katanya lagi.

Di samping itu, KOPSAS turut memberikan pendedahan kepada pelajar menjadi usahawan. Misalnya, pelajar diminta menguruskan

mesyuarat agung koperasi, mengira stok dan membungkus barang yang dibeli serta pelbagai ilmu keuahanahan oleh pihak pengurusan koperasi.

“Bagi meningkatkan perolehan KOPSAS, kami juga menjadi ejen pelbagai produk yang mudah dijual. Justeru, penduduk sekitar boleh mendapatkan produk tersebut misalnya sabun serbaguna di koperasi sekolah ini. Dalam perancangan, kami juga ingin membuat pakej hari jadi yang boleh ditempah oleh ibu bapa untuk kami sampaikan kepada anak mereka yang menyambut hari jadi,” ujar Norsyidah menutup bincara.

INFO pantas

Nama Sekolah: Sekolah Sultan Alam Shah • **Nama**

Koperasi: Koperasi Sekolah Alam Shah Berhad (KOPSAS)

- Status Sekolah:** Berasrama Penuh • **Tarikh Penubuhan**

Koperasi Sekolah: 19 Mac 1980 • **Bilangan Anggota**

Koperasi Sekolah: 971 anggota

- Bilangan Pelajar Sekolah:** 894 orang pelajar • **Pengerusi**

Koperasi: Mohd Bukhari Adnan

- Aktiviti Koperasi Sekolah:** Kedai Runcit (*Mini Mart*), Pelancongan



Pengerusi KOPSAS, Mohd Bukhari Adnan.

Optimis Sasar RM2 Juta Keuntungan Bagi Tahun 2023

Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas Pulau Pinang Berhad Rekod Perolehan RM1.15 Juta Tahun 2022 Jadikan Semangat Capai Sasaran

Tidak dinafikan bahawa perniagaan berasaskan makanan dan minuman boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda jika kena dengan strateginya. Atas sebab itulah, Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad ingin melebarkan sayap dalam perniagaan ini apatah lagi inilah sumber pendapatan terbesar bagi koperasi tersebut.

Berbicara bersama Setiausaha Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas Pulau Pinang Berhad, Cikgu Ridzauddin Abdul Halim, beliau mengakui pada tahun ini pihak koperasi maktab ingin lebih serius melalui perniagaan makanan dan minuman di kafe.

“Kami ingin menambah baik menu yang dijual. Di samping itu, kami ingin mengubah suai struktur bangunan kafe supaya lebih selesa untuk pengunjung yang datang makan di sini. Keadaan bangunan sekarang sudah agak berrusia dan memberi kesan dari segi keselesaan. Kami berharap agar kafe ini boleh dibaik pulih supaya sesuai dengan namanya Mat’am Sakinah yang bermaksud tempat makan yang tenang,” kata Cikgu Ridzauddin memulakan bicara.

Mengikut kelaziman, pelanggan utama jualan makanan di maktab ini adalah guru, kakitangan sekolah dan pelajar. Menunya pula terdiri daripada nasi putih dengan pelbagai hidangan lauk yang membuka selera seperti gulai ayam, ikan goreng, sayur-sayuran, sambal dan ulam.

“Mulai waktu tengah hari, kami juga ada menawarkan pelbagai menu goreng misalnya mi goreng dan nasi goreng. Turut ada mi kuah yang menjadi kegemaran ramai. Istimewa pada hari Jumaat, kami menawarkan nasi ayam, nasi tomato, laksa sotong dan hidangan barat iaitu chicken chop. Menu sebegini mendapat sambutan hangat. Justeru kami ingin menambah baik lagi dari segi menu yang ada supaya pelanggan mempunyai lebih banyak menu untuk dipilih, ujarnya lagi.

Geran Bantuan

Teruja bercerita mengenai impian terhadap struktur bangunan Kafe Mat’am Sakinah, Cikgu Ridzauddin mengakui ingin memberikan keselesaan kepada pelanggan yang datang menjamu selera di kafe mereka. Paling perlu diubah suai adalah dapurnya.

“Kami ada membuat permohonan kepada pihak SKM untuk mendapatkan geran bantuan berbentuk kewangan. Keadaan dapur kami telah sangat daif. Untuk menambah menu yang dijual, kami perlukan dapur lebih luas dan keadaan lebih tersusun.

Selain itu, kami juga berkeinginan membaik pulih ruang makan dan ruang jual beli. Kedua-dua ruang ini sangat mempengaruhi pandangan pelanggan. Kami berharap pihak SKM dapat menimbangkan permohonan kami,” ujarnya lagi.

Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad mengimpikan kafe mereka jadi seperti syarikat francais 7-Eleven di Thailand yang menjadi lubuk menjamu selera dengan

Noor Zaida Halim,
Pengerusi
Koperasi MRSRM
Kepala Batas
Pulau Pinang
Berhad.



berkonsepkan *pack & go*. Memang benar bahawa 7-Eleven amat menarik perhatian pelbagai lapisan usia masyarakat tidak kira muda ataupun dewasa. Semua orang suka pergi 7-Eleven.

“Justeru, wang bantuan juga ingin kami gunakan untuk menambah baik ruang susun produk jualan di kedai runcit kami. Kami ingin suasannya lebih moden, tersusun, cantik dan ceria seperti di 7-Eleven. Banyak yang kami telah rencanakan untuk koperasi di maktab ini,” ujarnya lagi.

Perniagaan Terung Elak Buang Pekerja

Bercerita mengenai cabaran untuk terus berdaya saing terutama ketika dunia dilanda wabak COVID-19, Cikgu Ridzauddin mengakui keadaan ketika tahun 2020 dan 2021 adalah sangat mencabar.

“Ketika tahun 2019 dan kami mempunyai 15 orang kakitangan yang menguruskan perniagaan koperasi. Dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bisnes memang tak jalan. Ada perniagaan yang mengambil jalan mudah dengan memberhentikan pekerja. Namun kami tidak mahu berbuat demikian kerana kami faham masing-masing mempunyai tanggungan keluarga.

Tindakan kami ketika itu adalah berurusan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk berhenti mencarum. Kemudian kami mohon bantuan RM20,000 daripada SKM. Kami guna duit tersebut untuk buat bisnes yang tak pernah kami lakukan sebelum ini iaitu menanam terung,” cerita Cikgu Ridzauddin.

Menurut beliau lagi, selepas tiga bulan hasil terung boleh dituai. Kemudian terung-terung itu dijual sendiri dan juga dijual kepada peraih. Hasilnya, pihak koperasi boleh tetap membayar gaji kepada pekerja selain mengembangkan wang bantuan RM20,000 tadi kepada pendapatan yang lebih banyak.

Satu lagi perniagaan yang mendapat perhatian di Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad adalah taska. Dengan berbekalkan sebuah rumah kuarters diubah suai menjadi taska, ramai ibu bapa yang mendapat manfaat daripada projek ini.

Selain itu, Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas Pulau Pinang Berhad turut menjalankan perniagaan dobi yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan.



Mat'am Sakinah bermaksud tempat makan yang tenang.

Pelajar dan guru berganding bahu bermula di sekolah.

Paling Menggembirakan

Tatkala ditanya apakah pengalaman paling menggembirakan Cikgu Ridzauddin sepanjang mengendalikan koperasi di maktab ini, beliau menegaskan, “Saya gembira apabila dapat menggembirakan orang lain.”

Katanya, koperasi di maktab bermula pada tahun 2007. Suatu ketika dahulu memang koperasi masih tidak mampu menaikkan gaji kakitangan apatah lagi memberi bonus tahunan. “Namun, pada hari ini Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad telah berdaya saing dan mampu memberikan kenaikan gaji serta bonus tahunan. Pelajar maktab juga menerima imbuhan RM40 sebulan dan makanan percuma. Hal ini sangat menggembirakan saya dan juga pihak pengurusan koperasi maktab ini,” katanya.

Terap Budaya Keusahawanan

Majlis Amanah Rakyat (MARA) selalu menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Justeru Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad menyahut seruan itu dan menggalakkan pelajarnya untuk berdaya saing sebagai usahawan.

Anggota koperasi dalam kalangan pelajar maktab dipastikan cakna dengan selok-belok bidang perniagaan. Mereka perlu tahu perkara-perkara asas misalnya untung rugi, kos barang dan jual beli.

“Pelajar juga ditawarkan untuk menyertai Persatuan Usahawan Muda. Dalam persatuan ini, mereka

INFO pantas

Nama Sekolah: Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas, Pulau Pinang • **Nama Koperasi:** Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas Pulau Pinang Berhad • **Status Sekolah:**

Sekolah Berasrama Penuh • **Tarikh Penubuhan Koperasi:** 30 Ogos 2007 • **Bilangan Anggota Koperasi Sekolah:** 838 anggota • **Bilangan Pelajar:** 754 orang

• **Pengerusi Koperasi:** Noor Zaida Halim • **Aktiviti Koperasi:** Coop Mart, Kafeteria, Dobi, Taska, Pertanian, Sewa Jubah Graduasi, Sewa Geral, Sewa Cabin

diterapkan dengan budaya keusahawanan yang amat diperlukan pada hari ini. Di maktab juga ada subjek Prinsip Perakaunan yang sesuai untuk dijadikan persediaan bagi menghadapi dunia perniagaan di luar sana,” ujar Cikgu Ridzauddin.

“Kami ingin menjadi koperasi contoh dan menerima pengiktirafan di dalam dan luar negara. Saya percaya impian ini tidak akan tercapai jika tanpa kerjasama daripada pihak pengurusan sendiri menangani cabaran dalam dunia keusahawanan dan juga mengukuhkan teamwork yang ada.”

Dengan perolehan setinggi RM1,151,122.00 pada tahun 2022, Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas Pulau Pinang Berhad menetapkan perolehan sebanyak RM2 juta pada tahun 2023 dan mereka yakin boleh mencapainya memandangkan setiap perniagaan yang dijalankan telah berada pada landasan yang betul sebagaimana yang dirancang.



Pembukaan D'Putra Mart menambah jumlah perolehan koperasi kerana memudahkan akses kepada pelanggan di luar kampus membeli barang runcit.

Pembukaan Kedai Runcit Cawangan Ke-2 Bukti Kejayaan

Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis Berhad Berhasrat Jadi Pemborong Makanan Sejuk Beku

Bermula dengan sebuah kedai runcit bersaiz kecil, kini Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis Berhad mempunyai dua cawangan kedai runcit. Kedai runcit kedua dinamakan D'Putra Mart terletak di Taman Desa Ulu Pauh, Perlis. D'Putra Mart telah mula beroperasi pada 17 Oktober 2022.

Pada awal operasi, kedai runcit cawangan pertama menjual alat tulis dan barang keperluan harian. Kemudian dinaik taraf kepada pasar mini yang memisahkan antara urus niaga alat tulis, percetakan dan peruncitan. Lokasinya pula di dalam kampus politeknik.

“Peningkatan kapasiti pelajar sehingga 3,000 orang menyebabkan kedai runcit yang kecil perlu dinaik taraf kepada pasar mini. Mereka mendapatkan barang keperluan



Coop Mart di dalam kampus selepas dibuat ubah suai dan dibesarkan untuk menampung jumlah pelajar politeknik yang semakin ramai.



Barisan Anggota Lembaga Koperasi yang sentiasa dedikasi dengan perniagaan koperasi.

di sini dan koperasi perlu cepat berubah mengikut keperluan pelanggan. Perniagaan runcit dan percetakan perlu diasingkan supaya pelanggan mendapat servis lebih baik pihak pengurusan pun boleh lebih fokus,” kata pengurusnya, Shamsul Anuar Abd Aziz.

Bagi beroperasi dengan lebih pantas, pihak koperasi telah mendapat Pembiayaan Tabung Modal Pusungan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM). Jumlah pinjaman sebanyak RM1,123,600 telah digunakan untuk membeli dua unit rumah kedai dua tingkat yang dijadikan cawangan kedua kedai runcit koperasi ini. Manakala geran Bantuan Pembangunan SKM bernilai RM70,000 pula digunakan untuk menaik taraf kedai runcit atau Coop Mart di dalam kampus dari segi ubah suai, susun atur dan penambahan kelengkapan.

“Dengan bantuan yang telah diterima daripada SKM, amat membantu koperasi dari segi menyegerakan perancangan yang telah dirangka. Operasi juga dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun kerana adanya khidmat nasihat yang diberikan supaya pinjaman dan geran yang diperoleh ini digunakan sebaik mungkin mengikut perancangan teliti,” tambahnya lagi.

Cabarang Operasi

Menurut Shamsul, cabaran Coop Mart di dalam kampus adalah perniagaan hanya boleh dijalankan selama lapan bulan saja dalam setahun. Ini kerana pelajar politeknik bercuti sel-

ma empat bulan bagi cuti semester dan cuti-cutি lain. Hal ini menyebabkan pelajar pulang ke kediaman masing-masing dan tiada pelanggan di kedai runcit tersebut.

Ini adalah cabaran terbesar kerana ketiadaan pelanggan menyebabkan stok barang tidak dapat dijual. Selain itu, cabaran juga adalah untuk mendapatkan bekalan barang pada harga kompetitif untuk terus berdaya saing dengan kedai runcit lain di sekitar kawasan.

Dalam setiap cabaran, terselit juga kejayaan yang diraih. Setakat hari ini kejayaan terbesar koperasi adalah dapat membeli dua unit bangunan rumah kedai dan membuka sebuah pasar mini D’Putra Mart di bangunan tersebut. Selain itu, koperasi ini juga telah dianugerahkan sebagai Koperasi IPT Terbaik bagi tahun 2022.

“Harapan saya agar koperasi ini dapat membuka dua lagi cawangan dan sebuah pusat pengedaran termasuk kedai borong untuk mengembangkan lagi perniagaan runcit koperasi. Di samping itu juga kami meneliti peluang untuk koperasi meluaskan perniagaan ke sektor kredit, penternakan dan pemborongan sejuk beku,” katanya.

Bagi memastikan koperasi terus berdaya saing, Shamsul menegaskan, pihak koperasi perlu memantapkan sistem pengurusan sumber manusia. Selain itu, menghantar kakitangan menjalani latihan dalaman dan luaran serta mengaplikasi teknologi terkini dalam aspek pengurusan operasi perniagaan koperasi.

INFOpantas

Nama Institusi: Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin • **Nama Koperasi:** Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis Berhad • **Status Institusi:** Politeknik • **Tarikh Penubuhan Koperasi:** 24 November 2004 •

Bilangan Anggota Koperasi: 3,645 orang • **Bilangan Pelajar:** 3,226 orang • **Pengerusi Koperasi:** Shamsul Anuar Abd Aziz • **Aktiviti Koperasi:**

Kedai Runcit (*Mini Mart*), Produk Sejuk Beku, Alat Tulis, Cetakan, Dobi Layan Diri

SKM sentiasa membantu koperator untuk berkembang dengan memberikan khidmat nasihat dan panduan dalam proses perjalanan perniagaan. Dengan adanya pembiayaan dan geran SKM, koperasi dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan risiko yang lebih rendah sehingga mereka boleh berdiri dengan sendirinya.

“Kami merangka pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam usaha untuk mengekalkan prestasi perniagaan koperasi. Perubahan dan penambahbaikan perlu dilaksanakan dalam usaha untuk mengekalkan prestasi sekali gus meningkatkan prestasi pada masa akan datang,” ujar Shamsul sambil memaklumkan koperasi ini meraih perolehan RM2,064,723.13 untuk tahun kewangan berakhir Jun 2022.

Strategi Cabutan Bertuah

Tarik Perhatian Pelanggan

Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Transkrian Pulau Pinang Berhad Gunakan Kad Ganjaran Untuk Meningkatkan Jualan

Memahami salah satu elemen psikologi manusia yang seronok apabila mendapat hadiah kejutan, pihak Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang Berhad menggunakan elemen tersebut bagi meningkatkan perolehan koperasi mereka. Mereka dengan bijaknya menyediakan kad ganjaran yang perlu dicop selepas membuat pembelian dan setiap kad yang penuh dengan cop layak menyertai cabutan bertuah.

Hal ini adalah salah satu strategi yang meningkatkan jualan kerana pembeli mengejar mata ganjaran berupa cop yang melayakkannya mereka menyertai cabutan bertuah. Setiap tiga bulan sekali, koperasi ini mengadakan cabutan bertuah dan pemenang berpeluang mendapat hadiah berupa baucar beli-belah bernilai RM15.

“Kami menyediakan kad ganjaran kepada anggota. Kad ini ada keistimewaan untuk mereka. Berbelanja RM5, mereka dapat satu cop pada kad itu. Apabila kad itu sudah penuh dengan cop, mereka boleh hantar kepada kami untuk menyertai cabutan bertuah, setiap tiga bulan, pihak koperasi akan buat cabutan bertuah. Hadiahnya baukar berbelanja di koperasi sehingga RM15. Kami dapat, strategi ini meningkatkan jualan di kedai koperasi kerana pembeli suka apabila mereka berpeluang menyertai cabutan bertuah,” kata Pengurus Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang Berhad, Shahirra Dania Maarof Moorthy.

Dengan keanggotaan seramai 751 orang iaitu pelajar 663 orang, guru 57 orang dan kakitangan se-

olah 31 orang, Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang Berhad ingin memberikan yang terbaik kepada semua anggotanya.

“Disebabkan itulah kami turut memberikan pendedahan mengenai pelaburan kepada pelajar MRSM ini. Ini kerana mereka perlu faham bahawa pelaburan boleh beri keuntungan. Takkun mereka hanya mahu melabur sebanyak RM20 selama bersekolah di sini?

Mereka patut menambah pelaburan dari setahun ke setahun. Selain pendedahan mengenai pelaburan, kami turut memberi pendedahan mengenai ilmu keusahawanan kepada anggota koperasi yang aktif,” katanya lagi.

Kafe Selesa Untuk Pengunjung

Kafe di MRSM Transkrian Pulau Pinang merupakan sebuah kafe yang diusahakan secara profesional dari segi kualiti masakan dan layanan. Ruang kafe juga selesa untuk pengunjung menjamu selera di sini.

“Jumlah keseluruhan bantuan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk membaik pulih dan menaik taraf kafe di dalam MRSM ini adalah sebanyak RM135,000. Kami ubah suai dapur, tempat makan guru dan tempat makan pelajar sebaik mungkin demi memberikan kepuasan kepada semua,” ujar Shahirra Dania.

Tambahnya, bantuan tersebut sangat membantu meningkatkan jualan untuk koperasi. Apabila kafe di sekolah menjual makanan yang tidak kurang hebatnya seperti sebuah kafe ternama di luar, sudah pasti orang yang di sekolah ini tiada keperluan untuk mendapatkan makanan di luar. Ini kerana hidangan di kafe sudah cukup menyelerakan.

“Bahagian dapur kafe perlu kemas dan selesa untuk krew



Pengurusi
merangkap
Penasihat Koperasi,
Kamarudin Sagiman



Pembelian RM5 ke atas berpeluang mendapat cop sebagai mata ganjaran.



Shahirra Dania (tiga dari kanan) bersama pihak pengurusan koperasi berjanji memberikan khidmat terbaik untuk memantapkan perniagaan.

memasak dengan lebih praktikal. Manakala ruang makan juga perlu cantik dan menarik untuk menjadikan pelanggan seronok makan di kafe ini. Paling utama, menu perlu ditambah baik dari semasa ke semasa. Kami amat berterima kasih kepada SKM kerana mengambil perhatian serius terhadap kertas kerja kami mengenai kafe di sekolah ini,” ujarnya lagi.

Malah beliau turut memuji usaha guru yang menguruskan koperasi kerana mempunyai tanggungjawab besar dengan usaha masing-masing menyediakan kertas kerja berkualiti demi mendapatkan geran daripada SKM.

Pada bulan Ramadan, koperasi ini turut menyediakan pakej berbuka puasa kepada pelajar dan guru. Sambutan amat menggalakkan kerana pelajar sekolah juga ingin menikmati sesuatu hidangan istimewa ketika berbuka puasa. Justeru koperasi ini menyediakan pakej berbuka puasa dengan juadah istimewa misalnya ikan siakap, tomyam dan juga makanan barat seperti *chicken chop*.

Hasrat Dan Inisiatif

Ditanya apakah hasrat Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang Berhad pada masa akan datang, pihak pengurusan menegaskan mereka mahu menaik taraf dobi sedia ada dan turut menyediakan dobi layan diri kerana terdapat banyak permintaan daripada pelajar dan guru di sini.

“Dobi layan diri memudahkan pengguna. Misalnya guru di sini yang mahu mengeringkan pakaian mereka. Justeru mereka boleh pergi ketika waktu luang untuk mengeringkan pakaian dan jangka masanya pun



Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang telah menggunakan RM135,000 yang dimanfaatkan daripada bantuan SKM, antaranya mengubah suai tempat makan menjadi lebih kemas dan selesa.

cuma sekejap sahaja,” katanya lagi.

Selain itu, koperasi ini turut mempunyai kedai gunting rambut dengan sasaran pelanggannya ialah pelajar sekolah. Kedai gunting rambut dibuka dua hari seminggu dan tukang gunting rambutnya ialah guru sekolah ini sendiri.

“Khidmat gunting rambut ini memudahkan pelajar sekolah. Hal ini memudahkan pihak disiplin sekolah untuk memastikan tiada pelajar yang berambut panjang,” ujarnya yang menyatakan khidmat gunting rambut adalah untuk pelajar lelaki sahaja.

Menutup bicara, beliau mengatakan bahawa mereka turut berhasrat menambah perolehan dari semasa ke semasa dan berjaya menjadi koperasi contoh dengan perolehan melebihi RM1 juta dalam satu tahun.

INFO pantas

Nama Sekolah: Maktab Rendah Sains Mara Transkrian Pulau Pinang

- **Nama Koperasi:** Koperasi MRSM Transkrian Pulau Pinang Berhad
- **Status Sekolah:** Sekolah Berasrama Penuh

Tarikh Penubuhan Koperasi Sekolah: 5 Mac 2003

Bilangan Anggota Koperasi Sekolah: 751 anggota

Bilangan Pelajar Sekolah: 663 orang pelajar

Pengerusi Koperasi: Shahirra Dania Maarof Moorthy

Koperasi Sekolah: Kedai Koperasi, Kafeteria, Kedai Dobi, Ejen Bank, Kedai Gunting Rambut dan Penghasilan Produk

Tingkatkan Jualan, Banyakkan Sumbangan

Koperasi Sekolah Menengah Imtiaz Besut Berhad Buat Jualan RM1 Juta Hanya Jual Kertas A4

Siapa sangka, hanya dengan menjual kertas A4, koperasi ini mampu membuat jualan hampir RM1 juta pada tahun 2022 yang lalu. Menurut Timbalan Pengurus Koperasi Sekolah Menengah Imtiaz Besut Berhad, Cikgu Mohd Hafizi Hamzah, mereka menjadi pengekar kertas A4 kepada 22 buah sekolah di sekitar Besut. Menurut Mohd Hafizi, setiap sekolah selalunya memesan minimum 200 lembar kertas A4.

“Kertas A4 amat diperlukan oleh pihak sekolah untuk mencetak dokumen penting. Justeru, kami memudahkan pihak sekolah untuk mendapatkan bekalan dengan mengedarkannya secara pukal,” kata Mohd Hafizi memulakan bincara.

Selain perniagaan kertas A4, Koperasi Sekolah Menengah Imtiaz Besut Berhad juga menjalankan perniagaan pakaian khas untuk pelajar sekolah ini. Sekolah jenis berasrama, pembelian pakaian



Pelajar mendapatkan makanan ringan di kantin.

di koperasi sekolah lebih memudahkan ibu bapa. Ini kerana, pelajar perlu memakai pakaian rasmi yang mempunyai kriteria tertentu misalnya warna, cetakan lencana sekolah dan fabriknya.

“Ada pelajar yang berasal dari

daerah lain, bukan Besut sahaja. Misalnya pelajar dari Kedah atau Johor. Jadi, mereka tidak perlu susah-susah membeli pakaian di tempat lain. Hanya perlu dapatkan di koperasi sekolah sahaja. Kami mudahkan urusan ibu bapa,” katanya.





Mohd Hafizi dan Bendahari Koperasi, Anna Juliyanti Zainuddin dedikasi tingkatkan perolehan koperasi.



Bersama poster Anugerah Koperasi Sekolah Terbaik Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022.



Urus niaga tanpa tunai diamalkan di koperasi untuk memudahkan jual beli.



Mudahkan Pelajar

Sekolah Menengah Imtiaz mempunyai 630 pelajar. Angka ini boleh dikatakan besar kerana mereka semua tinggal di asrama. Atas sebab itu, pihak koperasi mengutamakan perniagaan makanan kerana hal ini diperlukan bagi pelajar sekolah.

Koperasi membuka kiosk jualan makanan bermula dari jam 4.30 petang hingga 11 malam. Manakala kafe pula bermula dari jam 7 pagi hingga 11 malam juga. Wujudnya kiosk ini membolehkan pelajar lebih mudah untuk mendapatkan makanan pada waktu siang atau malam.

“Bukan pelajar sahaja boleh membeli makanan di sini. Kafe dan kiosk ini juga dibuka untuk kakitangan sekolah dan orang luar. Kafe di sini mempunyai enam pekerja manakala kiosk pula ada dua pekerja. Mereka hanya cuti ketika pelajar

asrama pulang ke kampung,” tambah Mohd Hafizi.

Perniagaan kertas A4, runcit dan dobi yang dijalankan di koperasi sekolah ini sentiasa mendapat sambutan kerana perniagaan ini amat diperlukan oleh masyarakat sekeliling. Justeru, pihak koperasi berkongsi keuntungan dengan pihak yang memerlukan.

Antaranya, koperasi ini menjadi penyumbang utama kepada aktiviti kecemerlangan sekolah. Menurut Mohd Hafizi, pelajar sekolah ini aktif dalam bidang inovasi bukan sahaja dalam negara namun hingga ke luar negara. Bagi menyokong usaha pelajar, pihak koperasi berbesar hati untuk memberikan sumbangan berbentuk kewangan.

“Kami pernah membantu team inovasi ke Surabaya, Indonesia. Seramai lapan pelajar dan lima guru pergi ke sana untuk menyertai pertandingan inovasi. Kemudian

mereka terpilih untuk bertanding ke peringkat lebih tinggi di Bangkok, Thailand. Kami turut menyumbang kewangan untuk mereka,” katanya.

Selain itu, koperasi ini turut membantu dari segi zakat dan bantuan bencana. Misalnya, ketika negara dilanda wabak COVID-19, mereka membantu menyumbang bakul makanan untuk diberikan kepada pekerja pembersihan yang kehilangan pekerjaan.

“Di sekolah juga ada pelajar yang berasal daripada golongan kurang kemampuan atau B40. Kami berko-laborasi dengan pihak kafe untuk memberikan mereka baucar makan tengah hari dan makan malam. Bantuan kewangan one off RM500 turut kami berikan kepada pelajar B40 yang dikenal pasti. Justeru, keuntungan yang koperasi ini peroleh, kami sumbangkan semula kepada pihak yang memerlukan,” ujar Mohd Hafizi menutup bicara.

INFO pantas

Nama Sekolah: Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) • **Nama**

Koperasi: Koperasi Sekolah Menengah Imtiaz Besut Berhad

- **Status Sekolah:** Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) • **Tarikh Penubuhan**

Koperasi Sekolah: 27 Oktober 2005 • **Bilangan Anggota**

Koperasi Sekolah: 671 anggota • **Bilangan Pelajar Sekolah:**

630 orang murid • **Pengerusi**

Koperasi: Ahmad Zaki Mohamad

- **Aktiviti Koperasi Sekolah:** Kedai Runcit, Produk Sejuk Beku, Dobi, Kiosk, Bas Charter, PKS

SUARA ANDA, INSPIRASI KAMI



Anda mempunyai
cadangan yang ingin anda
kongsikan mengenai
penerbitan Majalah ini?



Imbas kod
QR ini dan
kemukakannya
kepada kami



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100